

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**APRIL 1995**

**RPK 422 - Pemuliharaan**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUABELAS** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi Tiga (3) bahagian. Jawab **SEMUA** soalan daripada Bahagian A, **SATU** soalan daripada Bahagian B dan **SATU** soalan daripada Bahagian C.

**Bahagian A (Jawab SEMUA soalan)**

1. Istilah pemuliharaan tidak membawa maksud.
  - a. mengguna semula
  - b. membaikpulih
  - c. meneroka
  - d. mengindahkan
  - e. menyelamatkan
  
2. Kerosakan alam sekitar yang ditingkatkan oleh tamadun Barat berpunca dari;
  - a. kejahilan mereka tentang alam sekitar
  - b. kebencian mereka kepada alam
  - c. pemisahan moral dari sains dan teknologi
  - d. permintaan sumber yang meningkat
  - e. penciptaan teknologi canggih

...2/-

3. Menurut Islam, prinsip terpenting kenapa manusia wajib memelihara persekitarannya ialah:
  - a. manusia seperti makhluk lain ialah hamba-hamba ALLah
  - b. manusia ialah Khalifah ALLah
  - c. bumi ialah tanda-tanda ALLah
  - d. bumi ialah anugerah ALLah
  - e. kerana ALLah telah mewajibkan sedemikian
  
4. Masyarakat Cina Purba mengamalkan pemuliharaan kerana kepercayaan mereka bahawa
  - a. alam itu tuhan
  - b. alam itu simbol tuhan
  - c. kekuasaan manusia datang dari alam
  - d. keharmonian manusia disebabkan oleh keharmonian alam
  - e. alam akan sentiasa harmonis
  
5. Tokoh pengembara yang telah mempengaruhi Presiden Amerika untuk mewujudkan taman negara terawal di dunia ialah:
  - a. Roosevelt
  - b. John Muir
  - c. John Kennedy
  - d. Butch Cassidy
  - e. James Audubon
  
6. Tokoh seni foto yang memperkenalkan khazanah asli Amerika kepada rakyatnya ialah:
  - a. Ansel Adams
  - b. Eric Peris
  - c. Richard Avedon
  - d. Lord Snowdon
  - e. John Muir

7. Tokoh yang menyumbang kepada kesedaran pemuliharaan melalui lukisan-lukisan burung ialah
  - a. James Audubon
  - b. Jaafar Buang Taib
  - c. C.P. Marsh
  - d. Salvadore Dali
  - e. R.T. Peterson
  
8. Tokoh yang paling unggul di dalam kajian tentang persekitaran lautan ialah
  - a. Jacques Yves Cousteau
  - b. Yves St. Laurent
  - c. Sea Hunt
  - d. Long John Silver
  - e. Captain Nemo
  
9. Buku "The Silent Spring" ditulis untuk menceritakan tentang
  - a. kesan gambar Bumi dari angkasa lepas
  - b. kesan toksid ke atas persekitaran
  - c. kesan racun DDT ke atas burung-burung
  - d. kesan yang terdapat di musim bunga
  - e. matair yang sepi
  
10. Pengarang buku "The Silent Spring" ialah
  - a. Rachel Carson
  - b. Johnny Carson
  - c. Seyyed Hoessein Nasr
  - d. The National Geographic
  - e. Martin Khor

11. Pengarang yang secara eksplisit menyifatkan masalah alam sekitar ini sebagai suatu "krisis moral" ialah
  - a. L. Whyte Jr.
  - b. Yi Fu Tuan
  - c. Jacques Yves Cousteau
  - d. Unesco Courier
  - e. Gurmit Singh
  
12. Satu-satunya peristiwa abad 60an yang menyedarkan manusia secara massa tentang kepentingan pemuliharaan ialah
  - a. gambar-gambar keindahan di Bumi
  - b. penulisan tentang pemuliharaan
  - c. kempen-kempen tentang alam sekitar
  - d. gambar Bumi dari kapal angkasa
  - e. kebangkitan semula agama-agama
  
13. Sumber alam yang paling kuat mempengaruhi gerakan mencintai alam di peringkat awal ialah
  - a. air
  - b. tanah
  - c. tumbuh-tumbuhan
  - d. mergastua
  - e. sumber samudera
  
14. Taman Negara yang pertama ditubuhkan di dunia ialah
  - a. Yellowstone Park
  - b. Hyde Park
  - c. Taman Negara (Pahang)
  - d. Yosemite Park
  - e. Disneyland

...5/-

15. Ekologi bererti
- Sistem hubungkait segala-segala yang terdapat di dalam alam sekitar.
  - Fahaman tentang hubungkait antara organisma-organisma sesama mereka dan alam sekitar.
  - Tempat tinggal organisma-organisma dan spesis-spesis di dalam alam sekitar.
  - Flora dan fauna yang berinteraksi dengan manusia di dalam alam sekitar.
  - Bahagian khusus di dalam alam yang mempunyai peraturan-peraturannya yang tersendiri.
16. Pemuliharaan alam baharu dirasai sekarang kerana ..... yang tidak peka kepada kemampuan alam sekitar.
- manusia
  - cuaca
  - remaja
  - perkembangan ekonomi
  - gaya hidup
17. Krisis alam sekitar sekarang disebabkan oleh penggunaan sumber yang berkesudahan dengan banyak .....
- kecanggihan
  - pengindahan
  - keharmonian
  - pembaziran
  - pencemaran
18. Masalah utama yang mengancam sumber tanah ialah
- hakistan
  - pengkeladakan
  - pendedahan
  - pertanian
  - penambakan

19. Salah satu masalah ruang tanah yang kian serius di bandar-bandar besar ialah kekurangan ruang untuk
- riadah
  - perkuburan
  - perumahan
  - industri
  - pentadbiran
20. Akta yang sering dirujuk berhubung dengan isu tanah ialah
- Akta Rezab Tanah Negara
  - Akta Tanah Negara
  - Kanun Pemeliharaan Tanah Negara
  - Kanun Tanah Negara
  - Akta Kanun Tanah Negara
21. Simpanan air tawar yang paling banyak boleh didapati di
- dalam tasik dan kolam-kolam
  - sungai-sungai
  - permukaan bumi
  - bawah tanah
  - pada akar-akar pokok
22. Bandar-bandar kian teruk dilanda masalah bekalan air kerana punca sumber ini kian
- jauh dari kota
  - jauh dari permukaan bumi
  - jauh dari kota dan jauh dari permukaan bumi
  - ditimbus tanah
  - ditutupi pembangunan

23. Menurut perundangan, saluran-saliran air diletakkan di bawah pentadbiran
- kerajaan tempatan
  - kaum dan puak
  - kerajaan negeri
  - kerajaan persekutuan
  - antarabangsa
24. Satu-satunya masalah serius yang akan timbul dengan kekurangan hutan ialah
- ketiadaan mergastua-mergastua penting
  - kekurangan percambahan hayat
  - kekurangan sumber balak
  - kehilangan erti hijau
  - pertambahan hutan-hutan sekunder
25. Pembinaan empangan telah menyebabkan kemusnahan sebahagian dari hutan kerana
- air berklorin yang dihisap oleh pokok-pokok sekitarnya
  - pembanjiran kawasan sekitaran
  - gangguan kitaran air di kawasan tersebut
  - penebangan pokok ketika pembinaan
  - peningkatan suhu yang diakibatkan oleh pendedahan kawasan binaan
26. Aktiviti yang paling kuat menyebabkan pemupusan hutan ialah
- pertanian pindah oleh orang-orang asli
  - pembalakan
  - kebakaran di musim kemarau
  - "ecotourism"
  - pembukaan untuk rancangan-rancangan tanah

27. Masalah utama perhutanan bandar ialah
- tiada hutan
  - nisbah hutan yang terlalu rendah
  - hutan-hutan kecil yang bersambung-sambung
  - poket-poket kawasan hijau yang terputus-putus
  - kawasan-kawasan hijau yang tidak mempunyai apa-apa fungsi ekologi
28. Sebab utama yang menyumbang kepada masalah kepupusan mergastua ialah
- salah tanggapan manusia tentang mergastua dan hidupan liar
  - pemburuan
  - kehilangan habitat
  - perdagangan haram mergastua
  - ketiadaan makanan
29. Perjanjian Antarabangsa yang bertujuan untuk menghalang perdagangan haram mergastua dikenali sebagai
- UNCTAD
  - CITES
  - GATT
  - WWF
  - EPSM
30. Beberapa tapak di kawasan-kawasan hutan dan pantai telah dikhaskan untuk pembiakan dan pemuliharaan spesis dalam suasana tabii. Tapak-tapak ini dikenali sebagai:
- zoo
  - suaka
  - rezab hutan
  - sira
  - hutan lipur



31. Satu akibat dari ketiadaan spisis-spisis besar ialah
- kekurangan spisis untuk ditunjukkan di zoo
  - kekurangan sumber protin
  - kejejasan industri pelancongan
  - pertambahan spisis perosak
  - pertambahan spisis fauna
32. Kelompok mergastua yang paling berkesan meningkatkan sentimen kecintaan pada alam ialah
- unggas
  - burung
  - reptilia
  - mamalia
  - hidupan samudera
33. Cendiakawan sepakat mentakrifkan zon pantai menurut kriteria
- kontur
  - jarak dari pantai
  - ekologi kawasan
  - pemandangan kawasan
  - tiada kriteria yang disepakati
34. Pengurusan zon pantai di Malaysia dilaksanakan oleh
- Jabatan Perdana Menteri
  - Jabatan Alam Sekitar
  - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
  - Jabatan Laut
  - Berbagai Jabatan

35. Paya bakau tidak memainkan satu dari fungsi-fungsi berikut:
- tempat pembiakan hidupan laut
  - mengawal banjir
  - penghalang hakisan
  - pembekal sumber-sumber hutan
  - tapak pelupusan sampah secara tabii
36. Punca utama pencemaran laut ialah
- tumpahan minyak
  - sampah sarap domestik
  - pencemaran industri
  - penambakan dan tebusguna tanah
  - pembalakan
37. Masalah sumber paling serius yang menyusul pembangunan pulau-pulau ialah
- kekurangan makanan
  - bekalan air
  - kekurangan sumber laut
  - kekurangan ruang pelupusan sampah
  - kekurangan ruang riadah.
38. Berapa buah taman negarakan yang telah ditubuhkan di Malaysia Barat selepas Kemerdekaan?
- Satu
  - Dua
  - Tiga
  - Empat
  - Kosong

39. Akta yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar yang diluluskan di Malaysia pada tahun 1974 ialah:
- Akta Pemuliharaan Alam Sekitar
  - Akta Kualiti Alam Sekitar
  - Kanun Pemuliharaan Alam Sekitar
  - Ordinan Kualiti Alam Sekitar
  - Akta Pemuliharaan Alam Sekitar Negara
40. Sebahagian besar tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar tertumpu kepada
- pentadbiran
  - pengawasan pembangunan di kawasan-kawasan sensitif
  - pengindahan alam sekitar
  - kawalan pencemaran
  - pendidikan masyarakat

( 40 markah )

**Bahagian B (Jawab SATU soalan)**

41. Perkataan "pemeliharaan" dan "pemuliharaan" seringkali ditemui dan digunakan di dalam perbincangan yang berkaitan dengan Warisan Sejarah. Bincangkan perbezaan di antara pemeliharaan dan pemuliharaan dari segi
- proses  
dan;
  - falsafahnya

( 30 markah )

42. "Insentif kewangan dilihat sebagai salah satu daripada dorongan kepada pemilik bangunan warisan untuk pemuliharaan dan menjaga bangunan mereka". Bincangkan kenyataan ini dan nyatakan insentif kewangan yang dimaksudkan ini.

( 30 markah )

**Bahagian C (Jawab SATU soalan)**

43. Kelembapan dinding, pengupasan cat di permukaan luar dinding dan serangan anai-anai merupakan beberapa contoh masalah-masalah yang biasa terjadi di bangunan-bangunan lama di Malaysia.

Bincangkan lima (5) faktor utama yang menyebabkan masalah-masalah tersebut berlaku di bangunan-bangunan lama di Malaysia.

( 30 markah )

44. Penyenggaraan bangunan merupakan suatu tugas yang penting di dalam proses pemuliharaan bangunan lama.

Sehubungan dengan itu, bincangkan kaedah "Cyclical Maintenance Programmes".

( 30 markah )

oooOOooo